

---

# PTPTN tawar hadiah hampir RM100,000

**PETALING JAYA** – Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) melalui kempen Gong Xi Ang Pow 2022 menawarkan hadiah keseluruhan hampir RM100,000 sempena perayaan Tahun Baharu Cina yang akan disambut pada 1 Februari ini.

PTPTN dalam satu kenyataan berkata, kempen yang bertemakan 'Gong Xi simpan, Kongsi Ong! Hari-Hari Mesti Mau Simpan Tau' yang dianjurkan di peringkat negeri pada kali ini terbuka kepada semua pendeposit Simpan SSPN iaitu Simpan SSPN Prime dan Simpan SSPN Plus.

"Untuk menyertai kempen ini, pendeposit hanya perlu membuat simpanan bersih serendah RM50 dalam tempoh kempen dan akan layak mendapat satu cabutan secara automatik.

"Tempoh promosi kempen adalah selama sebulan bermula 15 Januari hingga 15 Februari 2022," katanya semalam.

Jelasnya, setiap negeri menawarkan hadiah menarik kepada lapan pemenang iaitu pemenang pertama akan memenangi TV Pintar 4K 50 inci, pemenang kedua memenangi periuk tekanan tinggi, manakala pemenang ketiga ialah sebuah basikal lipat serta lima pemenang sagu hati bernilai RM388.

"Pendeposit Simpan SSPN yang menyertai kempen ini bukan sahaja berpeluang memenangi hadiah lumayan, malah menikmati pelbagai keistimewaan seperti pemberian dividen yang kompetitif, perlindungan takaful dan pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun," ujarnya.